

UPM jayakan integrasi pertanian global

Jawa Barat: Pelajar Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkunjung ke Institut Pertanian Bogor (IPB) baru-baru ini bagi menjayakan "Program Integrasi Pertanian Ke Arah Pencapaian Global Antara UPM dan UPB".

Program itu dianjurkan bagi mengeratkan hubungan kedua-dua institusi berkenaan dalam usaha menerajui bidang pertanian di Asia Tenggara.

Antara pengisian program ialah sesi perbincangan mengenai masa depan bidang pertanian yang semakin kurang diminati masyarakat zaman moden yang diadakan di Jabatan Agronomi dan Hortikultur, Fakulti Pertanian.

Perkongsian ilmu

Peserta program turut mengikuti penerangan mengenai latar belakang penubuhan IPB serta melawat makmal pertanian institusi itu.

Perkongsian ilmu oleh tenaga pengajar dan kakitangan IPB memberi peserta pendedahan mengenai aktiviti pertanian yang semakin berkembang di negara itu.

Peserta turut berpeluang menikmati keindahan semula jadi Taman Wisata Alam yang terkenal sebagai hutan bakau dengan kepelbagaiannya hidupan flora dan fauna.

Pelaksanaan program itu turut menyumbang kepada usaha Fakulti Pengajian Pendidikan UPM untuk meluaskan rangkaian hubungan dengan pusat pengajian luar negara.



Pelajar UPM yang berkunjung ke IPB bagi menjayakan Program Integrasi Pertanian Ke Arah Pencapaian Global Antara UPM dan UPB.